

27/03/1997

Pekerja Telekom dapat 10 peratus skim Esos

KUALA LUMPUR, Rabu - Penantian 27,000 kakitangan Telekom Malaysia Berhad (Telekom Malaysia) selama empat tahun, berakhir apabila pengurusan syarikat itu menerima cadangan skim opsyen saham kakitangan (Esos) sebanyak 10 peratus.

Melalui perjanjian yang akan ditandatangani pada 28 Mac ini, kakitangan terbabit akan diberi saham sebanyak 170.5 juta daripada modal saham terbitan dan berbayar syarikat itu.

Presiden Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia (Nute), Mohamed Shafie BP Mammal, berkata hasil pelbagai rundingan, termasuk menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan piket secara aman sejak 1993, isu Esos ini berjaya diselesaikan dengan baik.

"Saya anggap ia adalah jalan keluar terbaik dan bonus kepada kakitangan setelah empat tahun berjuang. Penerimaan ini diputuskan oleh anggota exco yang bersidang hari ini," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Isu itu timbul pada 1991 apabila Telekom Malaysia memberikan 29.5 juta saham Esos kepada 3,000 kakitangan eksekutif yang mendapat antara 10 dan 300 lot bernilai RM9,350 setiap lot, mengetepikan kakitangan bukan eksekutif.

Nute berpendapat Esos seharusnya diagihkan kepada semua kakitangan yang turut menyumbang kepada kemajuan syarikat dan jelas bercanggah dengan perjanjian dengan pengurusan yang diadakan sebelum penswastaan Telekom.

Shafie berkata, melalui keputusan itu, kakitangan Telekom Malaysia, termasuk di Sabah dan Sarawak akan mendapat antara tiga dan lapan lot saham berdasarkan tempoh perkhidmatan mereka.

"Sebanyak 79.62 peratus daripada saham diperuntukkan kepada kakitangan bukan eksekutif, manakala eksekutif yang belum mendapat saham pada 1993 diperuntukkan 10.94 peratus.

"Seramai 24,275 kakitangan bukan eksekutif layak menerima saham. Selain itu, hanya kakitangan yang bersara melalui skim persaraan awal pada atau selepas 1 Januari 1996, layak menerima saham itu," katanya.

Menurutnya, pihak Telekom Malaysia akan mengeluarkan surat tawaran saham awal April depan dan kakitangan yang ingin membeli saham terbabit hanya perlu membayar RM1 untuk pendaftaran bagi setiap lot.

Mengenai Mesyuarat Agung Luar Biasa pada Jumaat ini, beliau berkata, Nute akan mengemukakan beberapa masalah iaitu meminta pengurusan Telekom Malaysia mengkaji semula tempoh jualan balik saham yang diberikan.

(END)